

# Kerajaan ada bukti bertulis

BM - 3 NOV 1991  
Oleh WAN HAMIDI HAMID

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan mempunyai bukti bahawa Majlis Peguam memang menyebarkan fitnah di luar negara dengan tindakannya membuat dakwaan kononnya kerajaan memecat Ketua Hakim Negara pada 1988, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, beliau mempunyai bukti melalui maklumat yang disampaikan kepadanya secara lisan dan bertulis daripada Persatuan Peguam Amerika Syarikat berhubung pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Salleh Abas.

"Persatuan itu menyuarakan kepada saya apa yang disampaikan kepada mereka oleh Majlis Peguam Malaysia, kononnya Kerajaan Malaysia yang membuang Ketua Hakim Negara," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan, beliau bersedia ke mahkamah untuk membuktikan perkara itu sekiranya Majlis Peguam berhasrat mengambil tindakan saman terhadapnya berhubung isu berkenaan.

"Kalau dia (Majlis Peguam) hendak saman (saya), dia orang saman ... tak apa. Kita ikut undang-undang," katanya.

Kelmarin, Presiden Majlis Peguam, Encik Manjeet Singh Dhillon, meminta Perdana Menteri mengemukakan bukti mengenai tindakan badan itu menyebarkan fitnah di luar negara supaya ia boleh mengambil tindakan terhadap ahlinya yang terbabit.

Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan tidak ada kuasa memecat Ketua Hakim Negara atau mana-mana hakim kerana pemecatan seseorang hakim hanya boleh dilakukan oleh satu tribunal yang dianggotai orang yang layak menjadi hakim.

"Itulah cara mengikut Perlembagaan. Selepas itu mereka (tribunal) dikehendaki melapor keputusan mereka

kepada Yang di-Pertuan Agong. Dan Yang di-Pertuan Agong yang mengikut nasihat tribunal ini akan membuang sesiapa yang dicadangkan untuk dibuang.

"Dakwaan bahawa kerajaan mempunyai kuasa membuang hakim adalah pembohongan. Sepatutnya mereka (Majlis Peguam) cerita betul-betul apa yang berlaku dan apa sebabnya," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan amanat khas kepada ketua Umno bahagian dari seluruh negara di sini, semalam.

Sebaliknya, kata Datuk Seri Dr Mahathir, Majlis Peguam tidak berani pula menceritakan kepada Persatuan Peguam Amerika Syarikat bahawa ada lima hakim berhubung kes yang sama cuba menghalang proses undang-undang dengan menyekat laporan tribunal daripada disampaikan kepada Yang di-Pertuan Agong.

"Oleh kerana tindakan lima hakim itu bertentangan dengan undang-undang, mereka juga dihukum oleh sebuah tribunal yang lain tetapi ini tidak pula diceritakan oleh Majlis Peguam kepada Persatuan Peguam Amerika," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, Majlis Peguam juga tidak menceritakan mengenai percubaan mereka sendiri untuk menyingkir Ketua Hakim Negara, Tun Hamid Omar, dengan tidak mengikut undang-undang dan perlembagaan, iaitu prosiding penghinaan mahkamah.

"Jika seseorang hakim boleh dibuang dengan cara itu, maka tak selamatlah hakim. Jika Majlis Peguam berjaya dalam usaha mereka, semua hakim tidak akan berani buat apa-apa

# Majlis Peguam perlu jujur

DARI MUKA 3 NOV 1991

yang tidak disukai oleh Majlis Peguam," katanya.

Perdana Menteri berkata, percubaan untuk campur tangan dalam perundangan dilakukan sendiri oleh Majlis Peguam dan bukan kerajaan.

Beliau menjelaskan, jika kerajaan boleh campur tangan untuk menggugat kebebasan perundangan, sudah tentu ia akan menahan mana-mana hakim yang membuat hukuman yang tidak disukai kerajaan.

"Tetapi semua orang tahu di

Malaysia ramai hakim membuat keputusan yang merugikan kerajaan dan merugikan parti kerajaan. Kenapa Majlis Peguam tidak cerita ini semua?" katanya.

Mengenai permintaan Majlis Peguam untuk menemui beliau, Perdana Menteri berkata, jika badan itu benar-benar berniat baik, ada beberapa cara untuk membuktikan keikhlasannya.

Bagaimanapun, katanya, anggapan Majlis Peguam bahawa beliau (Perdana Menteri) berbohong serta tidak mempunyai bukti menunjukkan ba-

dan itu sendiri sedar apa yang mereka lakukan.

Ditanya penafian Majlis Peguam berhubung penyebaran fitnah mengenai sistem perundangan Malaysia di luar negara, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Memang dia buat. Kalau tidak macam mana Persatuan Peguam Amerika nak tahu. Ia tulis surat kepada saya."

Mengenai kemungkinan Majlis Peguam menyaman beliau, Perdana Menteri berkata, badan itu berhak berbuat demikian berdasarkan undang-undang.